



جامعة السلطان الشري夫 علي الإسلامية  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI  
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

## Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester II, Sesi Akademik 2022/2023

### Kertas Soalan Peperiksaan Akhir

Kod Kursus : SJ4310

Nama Kursus : Kanun Jenayah Syariah

Peringkat Kursus : Sarjana Muda Syariah

Masa : 3 jam

Rujukan dibenarkan:

Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013

#### Nota :

1. Jawab **tiga (3)** soalan sahaja.
2. Sila gunakan nas-nas al-Quran dan Sunnah, peruntukan perundangan, dan keskes yang relevan, bagi menyokong jawapan awda, sejauh mana yang berkenaan.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Soalan 1 (20 markah)**

Dalam satu kes perbicaraan pertuduhan *sariqah* di Mahkamah Pakistan, iaitu kes *Ghulam Ali lawan the State PLD 1986 SC741* menunjukkan terlalu banyak kelemahan dalam proses pembuktian dan perbicaraan walaupun pada dasarnya menerapkan elemen-elemen syarak. Bincangkan secara terperinci dengan menyatakan perkara tersebut di bawah:

- 1) Elemen-elemen pertuduhan kesalahan *sariqah* (3 markah)
- 2) Pembuktian yang dikemukakan (4 markah)
- 3) Isu ditimbulkan dalam perbicaraan (8 markah)
- 4) Bentuk kesalahan dan hukuman yang boleh disabitkan ke atas tertuduh sekiranya kes ini berlaku di Negara Brunei Darussalam. (5 markah)

**Soalan 2 (20 markah)**

*Ta'zir* dari segi bahasa bermaksud atau menghalang. Dari segi istilah pula terdapat beberapa definisi yang diberikan oleh ulama fiqh iaitu:

- a. Mazhab Hanafi: Hukuman pengajaran (*ta'dib*) selain *hudud*.
- b. Mazhab Maliki: Hukuman yang tiada had tertentu daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. *Ta'zir* dijalankan kerana melakukan maksiat terhadap Allah *Subhanahu wa Ta'ala* atau mencabul hak manusia.
- c. Mazhab Shafi'i: Hukuman pengajaran ke atas dosa seseorang dan ia bukan *kaffarah*.
- d. Mazhab Hanbali: Hukuman yang disyariatkan ke atas jenayah yang tidak diperuntukkan hukuman *hudud*.

Berdasarkan beberapa definisi di atas maka dapatlah dirumuskan bahawa *ta'zir* merupakan hukuman yang dikenakan ke atas setiap tindakan maksiat yang tidak ditentukan hukuman *hadd* atau *qisas* padanya dan tidak ada juga hukuman *kaffarah*, sama ada tindakan maksiat itu terhadap Allah *Subhanahu wa Ta'ala* atau hak manusia.

(Mohd. Shukri Hanapi & Mohd Tajul Sabki Abdul Latib. (2003). Kamus Istilah Undang-undang Jenayah Syariah. Kuala Lumpur: Zebra Editions Sdn. Bhd & ISDEV. Hlm: 277)

(a) Huraikan kes *Pendakwa Syarie Iwni Kartika Seri Dewi binti Shukarno* dan kes *Pendakwa Syarie Iwni Mohamed Rezal Mohamed Yussof* serta bincangkan pertimbangan dan prinsip-prinsip penghakiman yang harus diambil kira oleh para Hakim semasa menimbangkan dan menjatuhkan hukuman yang setimpal terhadap tertuduh atas kesalahan yang dipertuduhkan terhadapnya.

(14 markah)

(b) Berikan contoh peruntukan dari PKHJS, 2013 berhubung kesalahan yang boleh dikenakan *ta'zir* seperti berikut:

- 1- Kesalahan yang tidak boleh dikenakan *had*
- 2- Kesalahan yang tidak boleh dikenakan *qisas*
- 3- Kesalahan-kesalahan am

(6 markah)

### Soalan 3 (20 markah)

KUALA LUMPUR: Polis mugesahkan video satu rompakan bersenjata yang menjadi viral berlaku di Taman Midah, Cheras pada Khamis. Rakaman berdurasi 51 saat itu menunjukkan Jago, 34 tahun (Muslim) dan Gaban, 31 tahun (Muslim) menunggang motosikal merompak dua mangsa sebelum mendekati seorang pemandu sebuah kereta Honda bernama Muzaaffar 23 tahun, kira-kira pukul 2 petang di Jalan Midah Tengah 2. Bunyi teriakan dan hon kereta milik Muzaaffar jelas kedengaran dan Jago dilihat memukul kereta tersebut, manakala Muzaaffar bertindak melemparkan kon trafik ke arah Gaban.

Ketua Polis Daerah Cheras, Asisten Komisioner Chong Kok Sin berkata, insiden berlaku kira-kira pukul 2 petang Khamis. "Mangsa adalah seorang wanita berusia 19 tahun yang sedang berbual dengan rakannya di luar rumah di Jalan Midah Tengah 2, Taman Midah, Cheras." Jago dan Gaban menunggang sebuah motosikal mendekati mereka, mengacukan parang dan meminta wang tunai dan barang berharga," kata Chong. Beliau berkata, kedua-dua mangsa menurut arahan suspek dan menyerahkan telefon pintar I-Phone 5; sebuah telefon-bimbit-Nokia dan wang tunai sebanyak RM600. "Penumpang kereta Honda Insight itu keluar dan mengambil kon trafik serta melemparkannya ke arah Jago." Gaban melibas parang ke arah pemandu kereta dan menetak tangan kanan mangsa," katanya.

Kedua-dua perompak berjaya meloloskan diri tetapi tertinggal beg sandang dan jam tangan. Kok Sin berkata, beg sandang itu mengandungi spanar dan pemutar skru. "Mangsa tidak dapat mengecam wajah suspek kerana mereka memakai topi

keledar dengan cermin gelap," katanya. Beberapa hari kemudian, hasil daripada aduan orang ramai akhirnya Jago dan Gaban berjaya ditangkap.

Berdasarkan fakta di atas dan berpandukan pada nas al-Quran dan Sunnah, Hukum Syara', peruntukan perundangan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013, dan kes-kes yang relevan, bincangkan apakah kesalahan yang boleh disabitkan terhadap Jago dan Gaban, dan apakah hukuman yang wajar dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah ke atas setiap mereka yang terlibat.

#### **Soalan 4 (20 markah)**

Mariam Ibrahim telah dilahirkan di Wilayah al-Qadarif, Sudan, dari pasangan bapanya Ibrahim, seorang Muslim, dan ibunya seorang menganut ugama Kristian Ortodoks Habsyah. Ibrahim dan isterinya (ibu Mariam) telah bercerai, antara lain kerana isterinya tidak mahu menukar agamanya kepada ugama Islam. Ibrahim telah meninggalkan Mariam dan ibunya sejak Mariam berumur 6 tahun. Mariam telah dibesarkan oleh ibunya mengikut tradisi dan ugama anutan ibunya. Setelah dewasa, Mariam telah berkahwin dengan Danial Wani, pemuda Sudan yang beragama Kristian dan menetap di Amerika. Salah seorang dari ahli keluarga Mariam sebelah bapanya telah melaporkan perkahwinan Mariam kepada pihak berkuasa dengan mendakwa bahawa Mariam telah melakukan zina bila berkahwin dengan suaminya yang Kristian itu. Walau bagaimanapun, tuduhan zina tidak diteruskan tetapi Mariam telah dikenakan pertuduhan Irtidad. Mariam didakwa murtad kerana mengisyiharkan dirinya menganut ugama lain selain Islam, iaitu ugama Kristian.

YA Hakim bicara telah meminta Mariam bertaubat dan kembali kepada ugama Islam. YA Hakim telah memberinya peluang untuk bertaubat dan kembali kepada ugama Islam dalam tempoh tiga hari. Mariam, bagaimanapun, enggan untuk bertaubat dan masih bertegas untuk kekal menjadikan Kristian sebagai pegangan hidupnya. Mahkamah telah menjatuhkan hukuman mati terhadap Mariam pada 15hb Mei 2014 kerana didapati salah melakukan jenayah irtidad, atas tuduhan bahawa dia telah menukar agamanya dari ugama Islam kepada ugama Kristian.

- (a) Bincangkan apakah elemen-elemen yang perlu dibuktikan wujud sebelum kesalahan *irtidad* boleh disabitkan.  
(5 markah)
  
- (b) Jelaskan syarat-syarat yang perlu dipenuhi sebelum sabitan hukuman *hadd* dapat diputuskan.  
(5 markah)

(c) Huraikan pendapat awda mengenai tempoh taubat selama tiga hari yang diberikan YA Hakim Mahkamah bicara Sudan terhadap Mariam Ibrahim dan awda boleh mencadangkan tempoh yang sesuai dengan alasan-alasan munasabah.

(4 markah)

(d) Jelaskan pendapat awda mengenai hukuman yang telah dijatuhkan oleh YA Hakim Mahkamah bicara Sudan terhadap Mariam Ibrahim dan cadangkan apakah hukuman yang wajar dijatuhkan terhadap Maryam.

(6 markah)

بالتوفيق والنجاح